

Kotak hitam terkeluar jika gegaran 6 kali ganda

Kuala Lumpur: Penyelidik aeroangkasa tempatan, Dr Omar Kassim Ariff berpendapat kotak hitam yang kebiasaannya disimpan pada bahagian ekor pesawat hanya terkeluar apabila ada impak gegaran enam kali ganda daripada pendaratan biasa.

Katanya, bagi operasi mencari dan penyelamat (SAR) pesawat Penerbangan Malaysia (MAS) MH370 yang hilang dari radar sejak 16 hari lalu, berdepan kesukaran untuk mencari kotak hitam kerana belum ada bukti sahih ia terhempas.

Beliau yang juga Pensyarah Kanan Jabatan Kejuruteraan Aeroangkasa Universiti Putra Malaysia (UPM) berkata, tumpuan pencarian kotak hitam di Lautan Hindi dijangka berdepan halangan kerana jarak pancaran isyarat agak terhad.

“Ramai keliru kerana tumpuan dibuat kepada pencarian kotak hitam kononnya untuk memudahkan pencarian pesawat, sedangkan sehingga kini tiada bukti sahih ia terhempas di mana-mana lokasi.

Peralatan canggih boleh kesan

“Mungkin penggunaan kapal pengangkut HMS Echo milik United Kingdom (UK) yang dilengkapi alat pengesan canggih dan berupaya melakukan carian dalam air boleh mengesan pesawat itu jika ia terhempas,”
+ katanya ketika dihubungi, semalam.

Selain HMS Echo, Tentera Laut Amerika Syarikat dilaporkan mempunyai pelbagai sistem sonar yang aktif dan pasif, antaranya berupaya mengesan objek di laut dalam dengan mengeluarkan bunyi ‘ping’ dan memantau bunyi bergema dan ada yang berupaya mendengar bunyi seperti mikrofon bawah laut.

Dalam pada itu, Omar berkata operasi mencari kotak hitam itu juga sukar berikutan ketiadaan kes sama sebagai rujukan kerana ia berbeza dengan pesawat Air France yang hilang di Lautan Atlantik pada Jun 2009.